

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM ( BERUAS )**

**TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 ( SELASA )**

**SOALAN**

**DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada Kerajaan bersetuju supaya satu kementerian sahaja iaitu Kementerian Sumber Manusia yang akan memproses dan membuat keputusan berkenaan dengan penggajian pekerja asing di Malaysia.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Kerajaan juga sentiasa mengkaji dasar, mekanisme permohonan dan pelaksanaan penguatkuasaan berkaitan Pekerja Asing melalui platform spesifik seperti Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Menteri Dalam Negeri dan Menteri Sumber Manusia Mengenai Pengurusan Pekerja Asing.

Selain itu, penubuhan *One-Stop Centre* (OSC) yang dianggotai oleh Agensi Kawal Selia (AKS) dari kementerian-kementerian serta agensi yang berkaitan berperanan sebagai *check and balance* bagi memastikan permohonan majikan berdasarkan keperluan sebenar.

Berkaitan dengan cadangan YB Beruas, Kementerian Sumber Manusia menyambut baik cadangan tersebut dan akan diperincikan serta diperhalusi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI  
[ PADANG SERAI ]**

**TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 ( SELASA )**

**SOALAN**

**TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dengan mengambil perhatian bahawa populasi daerah Kulim semakin meningkat dan kawasan perindustrian baru akan bertambah, tetapi bangunan tambahan untuk Hospital Kulim tidak ada. Apakah perancangan Kementerian pada masa akan datang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat di seluruh negara termasuk daerah Kulim, Kedah.
  2. Mengambil maklum akan peningkatan populasi di daerah Kulim dan bagi meluaskan perkhidmatan kesihatan di Hospital Kulim di masa hadapan, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengemukakan cadangan pembangunan Blok Tambahan Hospital Kulim di dalam RP2 RMK-12.
  3. Walau bagaimanapun, peruntukan dan pelaksanaan bagi cadangan ini adalah tertakluk kepada kelulusan Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.
- Sekian, terima kasih.